

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain Bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan persiapan yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi mengurangkan kesan domino kepada tambang pengangkutan awam termasuk bas ekspres, bas persiaran dan sebagainya akibat pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak pelaksanaan penyasaran subsidi diesel mula dilaksanakan, Kerajaan masih mengekalkan pemberian subsidi diesel bagi perkhidmatan bas ekspres pada kadar RM1.88 per liter dengan kuota maksima 2,880 liter sebulan. Pengusaha bas hanya perlu membayar harga diesel pada kadar semasa sekiranya penggunaan sebulan melebihi kuota yang telah ditetapkan. Pemberian kuota asas subsidi diesel tersebut turut dimanfaatkan kepada pengusaha bas di bawah kategori Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 mengikut kelas lesen bas. Kuota asas diesel tersebut diberikan secara bulanan kepada setiap buah bas yang layak.
2. Walau bagaimanapun, Kerajaan amat prihatin dan telah mengambil langkah proaktif terhadap permohonan daripada pihak industri yang memohon supaya meningkatkan kuota asas penggunaan diesel sedia ada. Satu sesi libat urus dengan persatuan-persatuan bas telah diadakan pada 13 Jun 2024 yang lalu bersama Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Pengangkutan (MOT).
3. Sebagai langkah interim, Kerajaan melalui MOF telah bersetuju untuk meningkatkan kuota tambahan sebanyak 50% daripada kuota asas penggunaan diesel bagi kenderaan-kenderaan pengangkutan awam darat di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 termasuk bas ekspres dan bas sekolah bermula dari 14 Jun 2024 sehingga suatu tarikh lain yang akan diumumkan kelak iaitu setelah penilaian kadar kuota penggunaan minyak diesel yang munasabah mengikut kelas lesen dimuktamadkan.

NO. SOALAN: 592

4. Jumlah kuota subsidi diesel ini akan dikaji dan dinilai sewajarnya bagi memastikan ianya diberikan pada kadar yang munasabah bagi tujuan membantu pengusaha bas untuk menampung kos penggunaan diesel dan sebagai sokongan kepada industri bas ekspres ini untuk sentiasa kekal berdaya saing. Langkah ini diambil bertujuan untuk mengurangkan kesan domino samada kepada pengguna atau kepada pengusaha bas itu sendiri.
5. Manakala, bagi perkhidmatan bas persiaran, kerajaan menetapkan untuk tidak memberikan subsidi diesel buat masa ini kerana kadar tambang bas persiaran tidak dikawal selia serta penggunaannya adalah untuk tujuan pelancongan terutamanya melibatkan pelancong asing.

Sekian, terima kasih.